

DOCX.MY **BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Kesihatan, Terkini, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 www.docx.my

 **DOCX.MY**
SENANG DOWNLOAD

MENTERI MANSUHKAN HUKUMAN MATI MANDATORI HARI INI



Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi
Institusi), Ramkarpal Singh

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) hari ini menandakan tiada lagi hukuman mati mandatori dan pemenjaraan sepanjang hayat di Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh, menyatakan bahawa pemansuhan tersebut adalah sebagai langkah menghormati hak setiap individu untuk hidup di Malaysia dan memastikan keadilan bagi semua pihak.

"Prinsip asas yang ingin diberi penekanan oleh kerajaan di sebalik setiap hukuman di Malaysia adalah pemulihan banduan agar mereka dapat kembali ke pangkuan masyarakat dan menjadi individu yang berkhidmat kepada keluarga, masyarakat dan negara setelah selesai menjalani hukuman.

"Mengikut subseksyen 1(2) Akta 846, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said menetapkan 4 Julai 2023 sebagai tarikh akta ini mula berkuat kuasa. Oleh yang demikian, tiada lagi hukuman mati mandatori dan pemenjaraan sepanjang hayat mulai tarikh ini," kata beliau.

Mengenai Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 (Akta 847), Ramkarpal menyatakan bahawa meskipun ia telah menerima

perkenan diraja pada 9 Jun lalu, namun belum lagi berkuat kuasa.

Beliau menjelaskan bahawa permohonan semakan hukuman mati atau pemenjaraan sepanjang hayat di bawah Akta 847 hanya boleh difailkan setelah penetapan tarikh berkuat kuasa dilakukan oleh Azalina melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri sejak Mei 2023 mengadakan beberapa mesyuarat membabitkan Jabatan Peguam Negara, Jabatan Penjara, Kementerian Kesihatan, Majlis Peguam Malaysia, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan serta Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

"Mesyuarat itu adalah bagi membincangkan mekanisme dan garis panduan pelaksanaan semakan hukuman mati serta pemenjaraan sepanjang hayat. Butiran berhubung mekanisme dan garis panduan berkenaan akan dimaklumkan dalam masa terdekat," katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa reformasi undang-undang tersebut merupakan langkah awal dalam transformasi sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Beliau menekankan bahawa lebih banyak semakan dan reformasi akan dilaksanakan dalam sistem perundangan jenayah, sejajar dengan komitmen Kerajaan Perpaduan untuk mencipta sistem perundangan yang lebih progresif dan relevan dalam memajukan Malaysia sebagai negara MADANI.